

Dr Ting yakin Dr Ling bawa berita gembira

BH 28 MAY 2000

KUALA LUMPUR: Setiausaha watan),” katanya pada sidang Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh, meminta semua anggota parti di seluruh negara memberi peluang kepada Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk berehat sambil menimbang-bahkan semula hasratnya berundur dari Kabinet.

Menurutnya, presiden parti itu pasti mengambil kira secara serius pandangan semua pihak berhubung keputusannya meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

Sambil menyatakan keyakinannya Dr Ling akan membawa ‘berita’ gembira selepas pulang bercuti kira-kira dua minggu lagi, Dr Ting berkata masih terlalu awal untuk presiden parti itu meletakkan jawatan ketika khidmatnya amat diperlukan parti dan kerajaan.

“Ramai di antara pemimpin dan ahli yang ditemui majoritinya berpendapat Dr Ling sepatutnya meneruskan khidmatnya dalam Kabinet dan parti.

“Mereka menganggap beliau masih muda dan mempunyai ketokohan untuk membantu kepemimpinan negara. Saya secara peribadi yakin beliau akan kembali (tidak meletakkan ja-

wa-),” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Parlimen Kelab Penyokong Kerajaan MCA, di Wisma MCA, di sini petang ini.

Ditanya sama ada mesyuarat itu membincangkan isu presiden parti itu, Dr Ting yang juga bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, mesyuarat itu tidak membincangkan isu Dr Ling.

“Sebenarnya, mesyuarat hari ini diatur lebih awal sebelum Dr Ling mengumumkan keputusannya untuk mengundur diri sebagai menteri. Jadi, isu presiden yang terbaru itu tiada dalam agenda,” katanya yang turut meminta semua pihak menghentikan sebarang spekulasi.

Pada awal minggu ini, Dr Ling membuat pengumuman mengejutkan untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan bagi memberi laluan kepada pemimpin muda.

Bagaimanapun, selepas berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rabu lalu, beliau diminta menimbang semula hasratnya itu sepanjang tempoh bercuti selama dua minggu.